

TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N26 PADANG KOTA
EXCO KEWANGAN, PEMBANGUNAN EKONOMI, TANAH DAN KOMUNIKASI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. dan Salam Penang 2030.

Terima kasih Dato Yang Dipertua, Sahabat Barisan EXCO, Backbencher, Pembangkang dan Ahli Dewan Undangan Negeri sekalian kerana memberi saya peluang untuk meneruskan sesi persidangan kita pada hari ini.

Baiklah, izinkan saya untuk terus beralih fokus kepada kerisauan yang dibawa oleh wakil **Teluk Ayer Tawar** berkenaan isu tambakan tanah haram di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri mengakui berlakunya peningkatan aktiviti tambakan tanah-tanah sawah secara haram khususnya bagi tujuan pembangunan perumahan dan tanah lot. Melihat kepada impak negatif terhadap pengeluaran padi negeri, Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap pesalah mengikut undang-undang bagi membendung masalah ini.

Untuk makluman warga dewan, mengikut Seksyen 52 Kanun Tanah Negara 1965, terdapat tiga kategori kegunaan tanah iaitu :

1. Tanah Pertanian
2. Tanah Bangunan
3. Tanah Industri

Dan pemilik tanah boleh menukar status tanah mereka secara sah dengan mengemukakan permohonan kepada Pejabat Tanah dan Galian mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Sekiranya mereka gagal melakukan perkara tersebut, pihak berkuasa negeri berkuasa merampas tanah tersebut dan mengarahkan pemilik tanah mengemukakan cadangan pelan mitigasi atau pemuliharaan lot tanah tersebut kerana telah menjalankan aktiviti kerja tanah tanpa mendapat kelulusan.

Tuan yang Dipertua,

Seterusnya, bagi meningkatkan kesedaran dan produktiviti masyarakat, pemilik tanah dan warga petani dalam aktiviti pertanian, Projek Pertanian Pembangunan Tanah

Terbiar telah diwujudkan bagi memastikan tanah terbiar menjadi tanah yang memberi pulangan kepada pengusaha selain dapat meningkatkan pengeluaran tanaman makanan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian juga dalam tindakan melahirkan golongan petani baru melalui program Farmer To Farmer dan Farm To Farm serta memastikan tanah-tanah pertanian khususnya tanah sawah tidak diubah status.

Pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan sentiasa menyalurkan peruntukan bagi memastikan pengeluaran hasil padi di Negeri Pulau Pinang akan terus meningkat. Sebagai rekod, jumlah keluasan kawasan penanaman padi di Negeri Pulau Pinang adalah 12,105 hektar dengan jumlah peningkatan hasil keluaran tahunan meningkat sehingga 126,473.04 matrik tan pada 2023.

Baiklah, terus menjawab persoalan seterusnya, iaitu daripada **ADUN Bagan Dalam** mengenai usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan pembangunan yang lebih seimbang antara bandar dan luar bandar di seluruh negeri. Warga dewan, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk membangunkan ekonomi negeri secara holistik dengan memberi penekanan kepada inisiatif-inisiatif yang selaras dengan Visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Antaranya termasuklah :

1. Program Pembangunan Modal Insan Kepada Golongan Miskin, dengan pemberian sebanyak RM40,000.00 bagi setiap daerah. Program ini menawarkan kursus kepada golongan miskin untuk mempelajari kemahiran yang mana dapat membantu menjana pendapatan.
2. Program Peningkatan Ekonomi Golongan Miskin/Pembangunan Industri Desa - Bantuan Peralatan, dengan pemberian sebanyak RM50,000.00 bagi setiap daerah. Bantuan ini diberikan kepada peniaga kecil berkelayakan untuk mengembangkan pendapatan dan seterusnya meningkatkan sara hidup

Dari segi infrastruktur pula, kita sentiasa melibatkan kedua-dua PBT di Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi membangunkan negeri moden dan pintar secara sejajar. Kerajaan

Negeri juga sedang menggerakkan badan khas iaitu, Penang Centre of Excellence (Penang CoEx) yang dijangka memberi tumpuan kepada perkhidmatan pengurusan dan penyelesaian bandar pintar, selain membantu membangun serta melengkapkan bakat tempatan dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam norma baharu.

Dalam jangka masa panjang, Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek Analitis Data Raya bagi meningkatkan tahap kemudahan infrastruktur perniagaan desa dan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah sekaligus merapatkan jurang ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan yang Dipertua,

Menyambut baik gagasan yang dibawa oleh ADUN **Bukit Tengah** berkenaan perangkaan Dasar Belia Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa berusaha dalam memastikan belia dan anak watan kita bersedia sebagai pelapis dalam menerajui perkembangan negeri khususnya dari segi ekonomi. Menjawab persoalan Yang Berhormat, pecahan skop ekonomi yang paling sesuai untuk kita fokuskan terhadap belia sudah pasti bidang yang berkaitan dengan skop ekonomi digital.

Melihat kepada keperluan ekonomi dalam 10 tahun yang mendatang, belia hari ini perlu dibimbing untuk menjadi pemegang taruh terbesar ekonomi, bukan lagi sebagai pengguna dan pembeli, tetapi sebagai pengeluar dan pengusaha produk selari dengan digitalisasi semasa.

Hal ini boleh dicapai dengan menerapkan belia menyediakan fahaman asas mengenai kecerdasan buatan (AI) selari dengan inisiatif baharu diperkenalkan kerajaan iaitu 'AI untuk rakyat' seterusnya mengaplikasikannya dalam bidang keusahawan.

Seperti yang dituntut oleh ADUN **Batu Uban**, antara pendekatan dan persediaan sokongan kepada belia untuk menceburi bidang keusahawanan digital termasuklah:

1. Usaha kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan GLC seperti Digital Penang dalam mempromosikan ekonomi digital kepada belia dan membantu mereka memulakan perniagaan sendiri.
2. Pulau Pinang menjadi tuan rumah bagi program Jelajah Saya Digital (JSD), yang memberi tumpuan kepada para pelajar sekolah, universiti serta usahawan mikro, kecil, dan sederhana.
3. Menyokong segala inisiatif yang dibawa oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bagi mencapai matlamat negeri agar rakyat mampu menghadapi gelombang digitalisasi.

Akhir sekali, menyentuh persoalan ADUN **Permatang Berangan** mengenai apakah cara Kerajaan Negeri mengekang kebanjiran pekerja asing di negeri Pulau Pinang. Bagi menjawab persoalan ini, kita perlu faham bahawa Dasar kemasukan buruh asing dan kuota kemasukan buruh asing tertakluk di bawah peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Dalam Negeri. Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengelak daripada pertambahan pesat jumlah buruh asing. Namun begitu, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang sentiasa memantau dan membuat operasi penguatkuasaan terhadap warga asing yang tidak mempunyai Permit Kerja dan Dokumen Pengenalan Diri yang sah.

Di samping mengambil inisiatif bagi memastikan keberadaan pekerja asing terkawal, Kita sentiasa berusaha membuka peluang yang lebih luas kepada penduduk tempatan di negeri kita bagi menceburi bidang pekerjaan khususnya industri E&E dan pembuatan.

P U L A U P I N A N G

Pelaksanaan program subsidi latihan industri iaitu 'Penang Internship Subsidy Program' (PISP) yang membolehkan penduduk tempatan mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang berkelayakan dengan memperolehi kadar elaun bulanan yang menarik. Kita juga sentiasa mengetengahkan kaedah mempromosikan Pulau Pinang melalui 'outreach programme' bersama Institusi Pengajian Tinggi bagi memberikan kesedaran kepada para pelajar dan juga pencari kerja di Malaysia,

khususnya di Pulau Pinang tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negeri ini.

Melalui usaha sebegini, kita mampu menarik lebih ramai rakyat khususnya belia bagi mengisi kuota pekerjaan yang selama ini dimonopoli oleh pekerja asing.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Allif Danish Bin Mohd Zulfazli

N26 Padang Kota

Sidang Muda 2024

